

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK

Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[FACTORS OF DEVIATION AMONG AT-RISK ADOLESCENTS FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE]

FAKTOR PENYIMPANGAN DALAM KALANGAN REMAJA BERISIKO DARI PERSPEKTIF ISLAM

AZYYATI MOHD NAZIM^{1*}

¹ Pusat Pengajian Dakwah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.

*Corresponding author: azyyati@unisza.edu.my

Received Date: 7 Januari 2017 • Accepted Date: 28 April 2017

Abstract

In the development process known as the adolescent stage, adolescents are often viewed as not having fully reached cognitive maturity. According to the Islamic perspective, at-risk adolescents are identified for their non-conforming trait. This may mean the abandonment of Islam as a path and a lifestyle. As such, it is most likely that these at-risk adolescents end up compromising Islamic values. The objective of this paper is to identify factors that contribute to delinquency from the perspective of Islam. Research is conducted through analyses of Qur'anic verses, hadiths, as well as secondary sources. Data is then analysed through inductive observation and presented conceptually and theoretically. This paper finds that delinquency are caused by two contributing factors. The first is the individual's weak iman (faith) or the individuals' lack of Islamic understanding; secondly, external factors such as the environment that also play a contributing role in delinquency. However, the depth to which these factors contribute to the problem depend on the individual's self-control as well as the amount of exposure the individual has to the aforementioned factors. It is thus important that Islamic teaching play a crucial role in curbing delinquency especially during the adolescent stage.

Key words: at-risk adolescents, delinquency, Islamic teaching.

Abstrak

Dalam proses perkembangan usia remaja, sering kali remaja dikaitkan dengan usia yang belum mencapai tahap kematangan berfikir. Menurut perspektif agama, remaja berisiko dapat dikenal pasti dalam masalah penyimpangan. Penyimpangan ialah meninggalkan kebenaran dari jalan yang lurus menurut tuntutan agama Islam. Oleh itu, masalah penyimpangan remaja boleh membawa krisis nilai dalam kehidupan. Objektif kajian ini ialah untuk mengetahui faktor-faktor penyimpangan menurut perspektif agama. Kaedah kajian dijalankan menerusi analisis kandungan dokumen berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan hadith serta sumber-sumber karya sekunder. Data-data dianalisis menerusi proses penelitian secara induktif dan dijelaskan dalam bentuk konsep dan

teori. Hasil kajian mendapati faktor penyimpangan dalam Islam merujuk kepada dua faktor gabungan iaitu pertama, faktor dalaman iaitu kelemahan iman atau tiada kesedaran jiwa beragama yang boleh menghalang manusia dari menyimpang. Kedua, faktor luaran iaitu kewujudan desakan dorongan luar yang menggalakkan kepada perbuatan menyimpang yang menjadi faktor penggerak dari pengaruh persekitaran. Walau bagaimanapun, risiko dalam perspektif agama dan kaitannya dengan faktor penyebab perlakuan mengambil risiko bergantung kepada kawalan tabiat seseorang yang terdedah terhadap pengaruh kedua-dua faktor tersebut. Oleh itu, penekanan kepada aspek agama sangat dituntut semasa proses perkembangan akil baligh remaja.

Kata kunci: Remaja berisiko, penyimpangan, ajaran Islam

Cite as: Azyyati Mohd Nazim. 2015. Faktor Penyimpangan Dalam Kalangan Remaja Berisiko Dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(1): 1-18.

PENGENALAN

Permasalahan golongan remaja berisiko perlu diberi perhatian oleh ahli-ahli masyarakat dan pihak berkuasa dalam usaha-usaha pemulihan dan bimbingan sebagai langkah untuk membendung keterlibatan mereka di dalam gejala sosial. Remaja yang tergolong dalam kumpulan berisiko dapat dikenali melalui ciri-cirinya (*trait*). Dalam kajian (Azzyati 2014), ciri-ciri remaja berisiko didapati dalam lingkungan usia 16 hingga 19 tahun yang terlibat dalam jenis-jenis salah laku seperti ponteng sekolah, masalah bergaduh/melawan, merosakkan harta benda (*vandalisme*), merokok, tunjuk perasaan dan membaca/melihat bahan dan gambar lucu. Faktor-faktor kendiri yang lemah seperti ingin melupakan tekanan yang dialami, ingin mendapat perhatian orang lain, selalu berkhayal dan angan-angan kosong, suka bersendirian dan tidak dapat mengawal perasaan/ emosi. Oleh yang demikian, sebab-sebab penyimpangan menurut Islam dalam proses perkembangan remaja perlu dikaji sebelum mereka terlibat dalam gejala sosial dan implikasi buruk yang sukar untuk ditangani.

Semasa remaja, corak motivasi bertukar kepada suatu tahap penting dalam peringkat-peringkat tingkah laku yang berlainan dari sifat yang lalu. Ia penting dikenali sebab ada perubahan yang berguna semasa remaja terutama dari fikiran kepada motivasi rasional, dari kawalan kepada membuat keputusan, dari egosentrik kepada motivasi sosiosentrik dan lain-lain tahap lagi. Sehubungan ini, aspek yang perlu diambil kira ialah perasaan dan emosi yang wujud dengan pesatnya semasa remaja. (Muhd Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin 1992: 186). Semasa proses perkembangan usia remaja akil baligh, timbul pelbagai persoalan mengenai situasi emosi remaja kerana perubahan yang dapat dilihat dari kelakuan diri remaja. Sering kali berlaku perubahan emosi dalam usia remaja yang ada kalanya murung, terlalu gembira dan mengasingkan diri telah menjadi subjek kajian. Justeru itu, al-Nughaimishi (1414 H: 22) telah menyimpulkan beberapa panduan untuk mengenal pasti kekacauan emosi yang dialami oleh individu remaja iaitu pertamanya; perasaan bimbang, takut dan tidak yakin kepada diri sendiri kerana tidak mempunyai pandangan hidup yang jelas. Kedua; sangat beremosi ketika mengalami proses perubahan fizikal dan akal fikiran dalam menuju sifat-sifat orang dewasa tetapi masih mentah dalam menghadapi pengalaman hidup berbanding orang dewasa kerana walaupun remaja sudah mencapai akil baligh tetapi kematangan akal fikiran belum

mencapai kematangan. Contohnya ialah remaja yang terlibat dalam alam percintaan dilihat sangat keterlaluan dalam soal cinta yang belum matang. Ketiganya; masalah identiti diri. Golongan remaja yang bangga dengan diri sendiri (*ujub*) dan menganggap orang lain juga mempunyai pandangan yang sama terhadap dirinya. Oleh itu, sifat remaja sebegini amat sensitif apabila menerima kritikan daripada orang lain.

Terdapat kepentingan-kepentingan dalam perubahan moral dan agama yang melibatkan perkembangan sifat remaja. Melihat kepada perubahan-perubahan sikap, nilai, keunggulan dan prinsip-prinsipnya, maka diharapkan ada hubung kait perubahan-perubahan dalam kehidupan berakhhlak dan beragama pada anak-anak muda. Oleh yang demikian, keluarga kepada remaja amat penting dalam menentukan corak pertumbuhan, kesejahteraan mental dan penyesuaian pada anak-anak mereka. Kestabilan keluarga, hubungannya dan perpaduan keluarganya merupakan faktor penting dalam membentuk perangai dan personaliti belia. Perasaan penerimaan, keselamatan, identiti kendiri, kepunyaan dan sanjungan serta disukai rakan melibatkan baik atau buruknya pengalaman berkeluarga itu. Justeru itulah, keluarga yang musnah kerana perceraian, kematian, berpisah atau ibu yang bekerja atau keluarga yang sering bercanggahan akan menyemaikan benih-benih kurang sihat pada remaja seperti tidak selamat, berwatak kasar, terbuang dan liar serta menjadi budak nakal (Muhd Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin 1992: 188). Dalam hal ini, Abū Zahrah (1965: 107) berpandangan bahawa gejala “lepak dan rayau” di kalangan kanak-kanak ialah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah pertama, ketiadaan tempat tinggal yang sesuai. Kedua, tiada penjagaan dan pengawasan keluarga dalam bentuk sokongan kasih sayang yang menyebabkan mereka terbiar begitu sahaja. Selain daripada itu, faktor penceraian di kalangan ibu bapa, poligami dan anak ibu tunggal atau di bawah pemeliharaan bapa tanpa ibu.

Berpandukan kepada kaedah bimbingan dakwah, kaunseling dan psikoterapi untuk remaja, dapat difahami bahawa golongan remaja berisiko adalah sangat perlu kepada keprihatinan pembimbing dewasa dalam menghadapi proses transisi usia perkembangannya supaya dapat memasuki alam dewasa dengan lebih matang dan berkeperibadian yang normal (الشخصية السوية). al-Hadi (1993: 161), pakar dakwah dan komunikasi dalam aspek psikologi manusia dalam kitabnya, *Ilm al-Nafs al-Da'wah* mentakrifkan keperibadian normal (الشخصية السوية) ialah “...satu identiti yang melihat kepada sekelilingnya dengan pandangan secara objektif dan optimis, reda dengan kurniaan Allah setelah usaha dilakukan, seimbang dan tidak terpengaruh dengan sekitar dan berusaha untuk melakukan pemberaan dalam diri manusia”. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam takrifan identiti normal tetapi bagi al-Hadi (1993: 161), takrifan pertengahan yang seimbang ialah tingkah laku normal berbeza dengan tingkah laku tidak normal dengan kemampuan yang dicapai dari penyesuaian diri dan membantunya dalam memikul perasaan kekecewaan dan lain-lainnya.

KONSEP REMAJA BERISIKO

Menurut pengertian bahasa Arab, dalam kamus *al-Muhit* (Fairuz Abadiyy 1995: 800) : رهق **رهق** فلان رهقا bermaksud: ketololan, kebodohan, kejahilan, tunggangan kejahatan dan kezaliman dan perbuatan sumbang. Oleh yang demikian, berlatar belakangkan kepada pengaruh bahasa dan ketamadunan pemikiran Arab, istilah “remaja” itu dihubungkan dengan ciri-ciri dan sifat kebodohan dan belum mencapai tahap kematangan kecuali diikuti dengan kesungguhan

menurut tarbiah dan ajaran syari'at akan menjauhkan remaja dari sifat-sifat yang dinyatakan di atas lantas mengurangkan sifat memberontak dan kerosakan (Muhammad Hamid & Khaulah Darwish 1997: 16). Maka dapat dikatakan bahawa remaja berisiko ialah yang berhadapan dengan masalah dalam proses perkembangan usia remaja mereka.

Menurut Fākhir 'Aqil (1986: 281), terdapat satu tempoh masa yang dianggap bahaya semasa proses perkembangan remaja apabila ibu bapa sukar untuk memahami perubahan drastik yang berlaku kepada remaja dan perlakuan serta pendirian anak remaja mereka. Akibatnya berlaku ketegangan dalam hubungan ibu bapa dan anak remaja. Oleh yang demikian, aspek-aspek jiwa anak remaja perlu diketahui oleh para ibu bapa mengenai keadaan akil baligh, perubahan emosi, hubungan sosial antara kawan, hubungan dengan berlainan jantina. Selain itu, kesukaran memilih kerjaya masa depan, kenakalan dan percubaan remaja untuk bebas dari kongkongan kuasa ahli keluarga. Ciri-ciri golongan remaja sedemikian sedang mengalami mimpi di siang hari (*Day-dreams*) dan sering berada di alam fantasi berbanding dengan kegiatan yang produktif dalam kehidupan realiti yang sebenar sehingga sangat menitikberatkan penampilan diri dan hubungan di antara berlainan jantina (Fākhir 'Aqil 1986: 285). Golongan remaja suka untuk mencari idola masing-masing dan cuba menjadi seperti idola pujaannya melalui angan-angan sendiri secara khayalan (*Day-dreams*) (al-,,Aisawi 1987: 24).

Dalam projek penyelidikan (Martha et.al 1998: 30) iaitu *Building Supportive Communities For At-Risk Adolescents*, ciri-ciri golongan remaja berisiko dikenal pasti berdasarkan perlakuan mengambil risiko (*risk-taking behavior*) sebagai satu pencarian yang sensasi di kalangan remaja. Perlakuan ini merupakan perlakuan bermasalah juga walaupun dianggap sebagai normal dan adaptif bagi remaja sebagai tanda “*egocentrism*” peringkat remaja atau sebagai tanda mekanisme membuat keputusan. Dalam proses perkembangan sepanjang hayat manusia, perlakuan pencarian sensasi (*sensation-seeking behavior*) didapati cenderung berlaku kepada sebahagian besar remaja dan sebahagian dari perlakuan tersebut adalah di luar norma sosio-budaya dan kesannya agak membahayakan, berisiko menyalahi undang-undang. Menurut pandangan Rida (2002: 39) dalam bukunya *Syabāb bilā masyākil mengenai lafaz “storm and stress”* merujuk kepada remaja yang mempunyai ciri-ciri remaja yang berpenyakit. Oleh itu, penyimpangan remaja (انحراف المراهقة) adalah kesan dari persekitaran (البيئة).

Oleh yang demikian dalam mengenal pasti golongan muda yang berisiko adalah melihat kepada tempoh perkembangan usia remaja sebagaimana pandangan Hall (1916) dalam (David Capuzzi & Douglas R. Gross 2004: 8) menjelaskan bahawa remaja adalah suatu jangka masa atau waktu yang penuh dengan konflik dan masalah dan menggambarkannya sebagai fasa “*storm and stress*” dalam proses perkembangan mereka dan hal-hal bermasalah yang timbul daripada mereka seperti kekacauan dan kerusuhan (*turmoil*), percubaan (*trial*), berkompromi (*compromise*) dan tekanan (*stress*). Oleh itu, konflik jiwa boleh membawa risiko krisis nilai kehidupan jika gagal menanganinya. Maksud krisis ialah satu keadaan yang serius di mana seseorang individu atau sesuatu kelompok atau komuniti tidak dapat mengendalikan sesuatu masalah atau konflik dengan menggunakan sumber dan cara penyelesaian biasa (Majlis Sosial Negara, subsistem 11: 1).

Sehubungan ini, remaja berisiko tinggi bermaksud satu himpunan andaian yang dinamik tentang sebab dan akibat yang boleh menjadikan seseorang remaja itu berada di dalam bahaya terhadap perkara negatif pada masa hadapan. Keadaan berisiko tidak semestinya berlaku sekarang tetapi boleh juga dijangka/diramal akan berlaku pada masa akan datang jika tiada

intervensi dilakukan. Golongan remaja yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti salah laku, memerlukan satu tindakan untuk membawa mereka kembali ke pangkal jalan atau mengikut landasan yang sebenar supaya mereka tidak terus terjerumus ke arah kegiatan salah laku yang lebih berat pada masa hadapan (Fuziah Shaffie et.al 2009: 5). Berisiko juga dapat dilihat dalam pelbagai aspek dalam menafsirkan perlakuan jenayah kerana ia gabungan dari pelbagai sebab “*the multi causal approach no one cause is adequate to explain the varied and complex behaviour included crime and delinquency*” (al-‘Aisawiyy 1999: 291, Oleh yang demikian, pandangan bagi remaja berisiko juga dapat dikaitkan dengan masalah kenakalan dan jenayah.

Perbuatan yang menyimpang secara signifikannya terkeluar daripada norma-norma yang ditentukan untuk individu dalam status sosial sesebuah masyarakat atau boleh dikatakan juga kelakuan mengikut arah yang tidak dipersetujui yang bertentangan dengan norma dan melebihi had toleransi sesuatu masyarakat (Asmak Haji Ali) dalam (Fuziah Shaffie et.al 2009: 6). Manakala, Ali Husayn Zaydān (1991: 525) membicarakan takrifan penyimpangan ialah meninggalkan kebenaran, kesederhanaan dan istiqāmah dari jalan yang lurus menurut agama Islam. Agama dinamakan jalan kerana ia membawa ke jalan syurga. Jalan yang lurus hanya ada satu dan jalan yang menyimpang adalah jalan sesat.

Sabda Rasulullah s.a.w:

لَا يَرْبِّي الْزَّانِي حِينَ يَرْبِّي وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَسْرُقُ السَّارِقُ حِينَ يَسْرُقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرُبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرُبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Maksud:

Seseorang penzina tidak akan berzina ketika dia berzina sedangkan dia beriman. Seseorang pencuri tidak akan mencuri ketika dia mencuri sedangkan dia beriman. Seseorang peminum arak tidak akan meminum arak ketika dia meminumnya sedangkan dia beriman.

(Sahih al-Bukhārī, Bab: 77 – أَلْشَرِبةُ كِتَابٌ , Juzuk : 5)

Menurut al-‘Asqalāni (1286)dalam kitab Fath al-Bāri, bab: (لا يشرب الخمر) menjelaskan bahawa iman seorang penzina atau peminum arak dinafikan ketika melakukan perbuatan tersebut sehingga berhenti melakukannya. Akan tetapi perbuatan tersebut yang dilakukan secara berterusan berkemungkinan menandakan penafian iman secara berterusan. Tingkah laku yang menyimpang membuktikan bahawa terdapat perkaitan di antara tahap keimanan dan tingkah laku jenayah

Justeru, hadith di atas telah menunjukkan bahawa tingkah laku menyimpang yang akan berleluasa pada zaman yang hampir kiamat ialah minum arak dan perzinaan. Berdasarkan hadith di atas, Islam mempunyai sudut pandangan yang mendalam bagi mengenal pasti secara lebih terperinci sebab dan akibat ketagihan alkohol atau arak serta juga perzinaan. Permasalahan yang berlaku dalam kalangan remaja dan belia ialah berdasarkan kepada halangan yang berlaku dalam memenuhi jenis-jenis keperluan asas remaja dan belia seperti keperluan fisiologi, emosi dan sosial (al-Zarrād 1997: 57).

FAKTOR PENYIMPANGAN REMAJA

a. Faktor Dalaman iaitu kelemahan iman

Pertama, faktor dalaman iaitu kelemahan iman atau tiada kesedaran jiwa beragama yang boleh menghalang manusia dari menyimpang. Berdasarkan perspektif ajaran Islam, sesiapa yang menjelaki jalan ketaatan dan bertaqarrub kepada Allah, maka Allah akan meletakkan kecintaannya kepada ketaatan dan membantunya dan memberi taufik yang menambahkan lagi ketaatannya. Demikianlah sebaliknya kepada sesiapa yang menjelaki jalan maksiat dan kufur, maka terkumpul kesan-kesan maksiat ke atas hatinya yang mana setiap kesan maksiat berbentuk satu titik hitam kemudian ia berkembang dan bersambungan di antara satu sama lain dan menjadi karat yang menempel dalam hati. Ketika itu, dia menjadi terhalang hubungannya dengan Allah sepenuhnya.

Firman Allah s.w.t,

أَوَلَمْ يَهْدِ لِلّذِينَ يَرُثُونَ الْأَرْضَ مِنْ بَعْدِ أَهْلِهَا أَنْ لَوْ تَسْأَءَ أَصْبَانُهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَنَطْبَعُ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ...¹⁰

Maksud:

Adakah (yang demikian itu tersembunyi dan) tidak jelas kepada orang-orang yang mewarisi negeri itu sesudah penduduknya (hilang lenyap kerana ditimpa bencana), bahawa kalau Kami kehendaki tentulah Kami akan menimpakan mereka pula dengan azab disebabkan dosa-dosa mereka dan Kami meteraikan di atas hati mereka sehingga mereka tidak dapat mendengar (nasihat-nasihat pengajaran)?

(Surah al-A'raf 7: 100)

Berdasarkan maksud ayat 100 surah al-A'raf di atas, Allah akan memberikan azab kepada penduduk sesebuah negeri disebabkan oleh dosa-dosa dan keburukan-keburukan mereka dan sekiranya azab mereka ditangguhkan, Allah akan menutup matahati mereka sehingga mereka tidak menyedari nasihat-nasihat pengajaran yang dikatakan kepada mereka (al-Zuhaili 2014: 22). Oleh itu, wajib mengambil pengajaran dari segala yang menimpa orang-orang terdahulu dengan cara meninggalkan faktor dan penyebab kehancuran mereka.

Sabda Rasulullah s.a.w:

القلوب أربعة: قلب أجراد فيه سراح، فذلك قلب المؤمن، وقلب أسود منكوس، فذلك قلب الكافر، وقلب أغلف مربوط على غلافه، فذلك قلب المنافق، وقلب مصفح فيه إيمان ونفاق

Maksud:

Hati ada empat: Hati yang bersih suci berpelita, itulah hati orang mukmin, hati yang berkedudukan terbalik, itulah hati orang kafir, hati yang tertutup dan berada dalam ikatan sarung, itulah hati orang munafik dan hati yang mengelak

iaitu ada padanya iman dan nifak.

(*Masnad Ahmad, Bab: 30-Masnad Abi Sai'd al-Khudri, Juzuk: 23*)

al-Tantawi (2014) dalam kitab *al-Tafsir al-Wasit li al-Qur'an*, menjelaskan beberapa sifat nifak dalam diri manusia. Antaranya ialah sifat golongan yang sanggup memperendahkan kedudukan para nabi dan cenderung melakukan ta"wil kepada sebahagian nas tanpa hujah yang nyata semata-mata menurut hawa nafsu.

Sehubungan ini, penyimpangan dalam Islam merujuk kepada dua faktor gabungan iaitu pertama, faktor dalaman iaitu kelemahan iman atau tiada kesedaran jiwa beragama yang boleh menghalang manusia dari menyimpang. Kedua, faktor luaran iaitu kewujudan desakan dorongan luar yang menggalakkan kepada perbuatan menyimpang yang menjadi faktor penggerak dari pengaruh persekitaran (Zaydan 1991: 551).

Iman seseorang bertambah dan berkurangan. Ia berbeza kekuatan dan kelemahan di antara manusia dan pada jiwa manusia yang sama dalam waktu yang berbeza. Oleh yang demikian, tingkah laku penyimpangan berlaku kebiasaan pada waktu lemahnya iman, maka seorang tidak melakukan zina ketika dia beriman dan mencuri ketika ada iman. Sekiranya manusia tersebut kembali beriman, dia akan bertaubat. Dengan sebab itu, kemungkinan faktor seseorang yang beriman untuk melakukan penyimpangan adalah kurang sekiranya sudah sampai keimannya kepada darjat ihsan iaitu seolah-olah menyembah Allah dalam keadaan dia nampak kewujudan Allah. Sesiapa yang sudah sampai ke tahap ini, maka sukar baginya untuk melakukan penyimpangan. Perasaan manusia bahawa Allah melihatnya akan menjadikan di antaranya dan dorongan untuk melakukan penyimpangan terhalang dengan kuat. Ini kerana timbul perasaan takut dengan azab Allah dan merasa malu menyedari bahawa Allah melihatnya ketika melakukan maksiat. Sebaliknya pengharapan terhadap ganjaran pahala akan mendorong manusia akan berpegang teguh dalam jalan Allah yang lurus.

al-'Iraqsawi (1994: 179) dalam kitabnya *Musykilāt al-syabāb al-jinsiyyah* dalam menangani permasalahan golongan muda kepada ketagihan alkohol, rokok dan dadah menyimpulkan bahawa tidak ada keraguan lagi bahawa batasan dan kawalan agama adalah merupakan jalan yang paling ideal, paling ampuh dan berguna untuk melepaskan belenggu masalah ini.

Firman Allah s.w.t,

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَبْتَلِيهُ فَجَعَلْنَاهُ سَوِيعًا بَصِيرًا، إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا،

Maksud:

Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur(dari pati benih lelaki dan perempuan) serta Kami tetap mengujinya(dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.(Kerana keadaan itu tidak mencukupi, maka) sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya(melalui akal dan Rasul) akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah; maka terserahlah kepadanya) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat), ataupun ia

berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menderhaka).

(Surah al-*Insān* 76: 2-3)

Ayat 2-3, surah al-*Insan* menjelaskan bahawa penciptaan anak cucu Adam dari setitis air mani dan kemudiannya Allah akan mengujinya dengan pelbagai kewajipan perintah dan larangan ketika telah mencapai akil baligh. Tujuan penciptaan manusia ialah ujian kehidupan setelah dibekalkan pengetahuan, petunjuk dan ilmu melalui deria pendengaran dan penglihatan (al-Zuhaili 2014: 305). Justeru, setiap manusia memiliki dua pilihan jalan iaitu kebenaran ataupun kesesatan.

Oleh yang demikian, Allah s.w.t telah menjadikan kehidupan dunia sebagai tempat ujian bagi manusia dan setiap pendirian yang dipilih dalam persoalan kehidupan adalah berdasarkan kepada inti pati halal dan haram dalam syariat. Oleh yang demikian, sesetengah manusia menjadi lurus tingkah lakunya manakala yang lain cenderung ke arah penyimpangan. Berdasarkan kepada faktor devian menurut perspektif Islam, Zaydān (1991: 525) telah mengupas secara terperinci bagaimana kecenderungan manusia ke arah penyimpangan.

Secara fitrah, manusia memerlukan agama. Allah s.w.t telah menempatkan dalam diri manusia fitrah tauhid yang menjadikannya dapat menghayati alam sekelilingnya dengan menerusi akalnya kepada asas keimanan terhadap kewujudan pencipta alam ini. Maka Allah menjadikannya memandang baik kepada perkara yang baik dan memandang buruk kepada perkara yang buruk.

Firman Allah s.w.t,

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّٰهِيْنِ حَيْنِيْا فِطْرَتَ اللهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللهِ ذَلِكَ الَّذِيْنُ الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُوْنَ۔

Maksud:

(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) “agama Allah” – iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

(Surah al-*Rūm* 30: 30)

Ayat 30 surah al-*Rūm* menjelaskan bahawa agama yang benar iaitu Islam. Agama yang berlandaskan tauhid dan amal salih di mana Allah telah menciptakan manusia menurut fitrah pada agama yang benar kerana pada dasarnya, manusia adalah penerima iman dan tauhid. Akan tetapi kebanyakan manusia tidak berfikir bahawa mereka mempunyai pencipta yang wajin disembah iaitu Allah yang bersifat Qidam dan menetapkan setiap ketentuan dan melaksanakan ilmu kebijaksanaanNya. Sesungguhnya, agama Islam adalah agama yang lurus (al-Zuhaili 2014: 92).

Walau bagaimanapun, Allah s.w.t tidak meninggalkan manusia dengan bergantung pada

fitrahnya semata. Bahkan mengutuskan rasul-rasul berserta risalah yang dapat menunjukkan kewujudan pencipta dan menentukan apa yang sepatutnya dilakukan dan yang sepatutnya ditinggalkan. Menerangkan jalan yang lurus dan jalan yang menyimpang.

Firman Allah s.w.t,

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا إِلَيْبِنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُولُوا إِنَّا أَنْذَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرَسُلُهُ إِلَيْغَيْبٍ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

Maksud:

Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan supaya manusia dapat menjalankan keadilan...

(Surah al-Hadid 57: 25)

Ayat 25 surah al-Hadid menjelaskan bahawa Allah menurunkan al-Qur'an yang mengandungi syariat dan hukum-hukum yang akan menyempurnakan dan membahagiakan kehidupan umat manusia. Kemudian Allah menurunkan pula timbangan (*al-Mizan*) agar manusia hidup adil dan benar. Ayat di atas merupakan asas perlembagaan masyarakat Islam dan sistem pemerintahan dalam Islam iaitu berlandaskan masyarakat yang melaksanakan syariat Islam menerusi pendekatan kebenaran, keadilan dan persamaan. Kekuatan prinsip syariat menjadi pelindung kepada sebarang pencerobohan terhadap kesucian syariat Islam (al-Zuhaili 2014: 359).

Justeru itu, dalam diri manusia diberikan kebebasan memilih. Allah s.w.t telah meninggalkan kepada manusia kebebasan memilih selepas dibukakan jalan-jalan dan sebab-sebabnya dan menghabarkan kepada manusia bahawa perkara yang menjadi hitungan kepada tingkah laku menurut kemauan dirinya.

Firman Allah s.w.t,

وَقُلِ الْحُقْقُ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيَكُفُرْ إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادُقُهَا وَإِنْ يَسْتَغِيثُوا يُعَاثُوا بِمَا إِكْتَمَلَ يَشْوِي الْوُجُوهَ يُئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقَا

Maksud:

Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Kebenaran itu ialah yang datang daripada Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya". Kerana Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang berlaku zalam itu api neraka yang meliputi mereka laksana khemah dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu, dan

amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang.

(Surah al-Kahfi 18: 29)

Ayat 29 surah al-Kahfi menjelaskan bahawa manusia diseru untuk beriman, bertauhid, taat kepada Allah dengan beramal salih. Setiap manusia yang mendapat petunjuk Allah lalu beriman dan beramal salih, maka dia telah diselamatkan oleh Allah. Manakala manusia yang tidak diinginkan oleh Allah untuk mendapat petunjuk, baginya tetap dalam kekafiran dan tidak beriman dan menjadi rugi dan celaka. Kebenaran yang jelas datang daripada Allah di mana telah ada ancaman, amaran dan janji yang benar terhadap balasan kekufturan manusia. Wahyu yang diturunkan untuk manusia merupakan sistem aturan yang paling baik bagi kehidupan manusia. Dalam hal ini, Allah memberi pilihan kepada setiap manusia untuk beriman ataupun kufur. Setiap manusia akan dihisab menurut pilihan mereka masing-masing (al-Zuhaili 2014: 264).

Oleh itu, manusia adalah bebas memilih dan dihisab berdasarkan kepada tingkah laku menurut kemahuan dirinya. Kehendak diri yang bebas adalah memainkan peranan utama dalam menentukan jenis tingkah lakunya. Ia adalah sumber utama dan kecenderungan niat manusia dan pilihannya dan disusuli dengan tingkah laku zahir. Allah s.w.t melepaskan manusia dari hukuman di atas kesalahannya sekiranya tidak terdapat pada diri manusia ciri-ciri kebebasan memilih. Maka tiada dosa ke atas mereka yang hilang akal fikiran, di bawah paksaan, anak kecil yang belum sampai umur baligh dan belum sempurna keupayaan memilih. Dalam kitab “*Lamhāt Nafsiyyah Fi al-Qur’ān al-Karīm*” (al-Hāshimi 1402 Hijrah: 64), membincangkan lingkungan usia remaja menurut tafsiran al-Qur’ān adalah masih dalam peringkat kanak-kanak (الطفلة) dan terus berkembang kepada satu peringkat lain yang dinamakan ‘*al-Ashud*’ (الأَشْد) ialah suatu tempoh kemuncak tenaga muda, kekuatan dan kedewasaan usia 40 tahun dan akhirnya mencapai kemuncak kematangan tubuh, kognitif dan sosial. Maksud ‘*al-Ashud*’ (الأَشْد) yang berkaitan dengan perkembangan usia manusia adalah kemuncak kekuatan golongan belia yang berusia 20 – 40 tahun. Oleh yang demikian, peringkat umur remaja adalah termasuk dalam golongan yang masih lemah.

Ini bermakna, ketibaan seseorang individu remaja kepada kematangan seksual tidak bererti bahawa ia sudah sampai kepada tempoh kematangan dalam tugasan yang lain seperti kematangan mental untuk berfikir. Sehubungan ini, pembinaan manusia berdasarkan kepada kebebasan memilih pendiriannya untuk beriman ataupun kufur dengan Allah dalam apa juu bentuk pegangan hidup. Oleh yang demikian, pemilihan ini merupakan perkara inti pati yang mempengaruhi tingkah laku manusia dalam segenap kehidupan manusia.

Di samping itu, Allah s.w.t telah menyediakan undang-undang alam dan peraturan dalam kehidupan manusia yang dapat membantu manusia mengikut jalan yang dipilihnya sendiri. Dengan ini, undang-undang dan aturan yang dipilihnya akan membantu seseorang yang beriman untuk beriltizam dengan ketaatan kepada Allah dan bertambah keimanannya bagi seorang mukmin. Manakala undang-undang dan aturan yang dipilih oleh orang yang kufur akan menambahkan lagi kemaksiatannya terhadap Allah. Oleh yang demikian, usaha manusia mengikut kadar usahanya dalam ketaatan atau kemaksiatan.

Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (1999: 267) membincangkan asal permulaan dosa. Asal permulaan dosa ada dua jenis: Pertama, dosa kerana meninggalkan perintah. Kedua, kerana melanggar larangan. Kedua-dua dosa inilah yang Allah s.w.t telah ujikan kepada bapa manusia

iaitu nabi Adam a.s. Kedua-dua dosa tersebut kedudukannya terbahagi menjadi dua bentuk, iaitu dosa zahir yang dilakukan anggota badan dan dosa batin yang dilakukan hati. Menurut hubungannya, dosa tersebut juga terbahagi menjadi dua bentuk, iaitu dosa yang berhubungan dengan hak Allah dan dosa yang berhubungan dengan hak manusia (iaitu hak orang lain).

Kesan daripada usahanya itu, hubungan manusia dengan Allah dan tingkah laku dalam hala tuju yang dipilihnya meninggalkan pengaruh dalam hatinya dan bertambah bersama masa yang berlalu dan membentuk gabungan faktor yang membantu mendokong perjalanan manusia di atas jalan yang dipilihnya.

Firman Allah s.w.t,

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ شَفَاعَهُ عَلَيْهِمْ

Maksud:

Tidak ada kesusahan (atau bala" bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Surah al-Taghābun 64: 11)

Ayat 11 surah al-Taghābun menjelaskan bahawa musibah yang menimpa manusia pada dirinya, anak atau hartanya adalah ketentuan dan takdir daripada Allah yang sudah ditetapkan untuknya. Keterangan ini membimbang manusia supaya sentiasa merasa reda terhadap Qadha' dan Qadar yang berlaku kerana sikap seperti ini akan mendatangkan kebaikan yang sangat banyak kepada diri sendiri. Setiap kejadian baik atau buruk yang menimpa seorang Muslim, kesemuanya adalah qadha' dan qadar Allah yang menuntutnya supaya berusaha dan beramal untuk mendatangkan kebaikan dan menghindari kemudarat terhadap dirinya serta bertawakal kepada Allah dalam segala keputusanNya (al-Zuhaili 2014:633).

Dalam keadaan ini, sesiapa yang beriman kepada Allah, maka dia diteguhkan oleh Allah di atas keimanannya sebagaimana makna hadith Qudsi yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah,

... وَإِنْ تَقْرَبْ إِلَيَّ بِشَيْءٍ تَقْرِبْ إِلَيَّ ذِرَاعًا، وَإِنْ تَقْرَبْ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقْرِبْ إِلَيَّ بَخْرًا، وَإِنْ أَتَنِي بِمَشِيَّةٍ هَرَوْلَةً

Maksud:

...sekiranya sesiapa mendekatiku dengan sejari, aku akan mendekatinya sehasta, sekiranya sesiapa mendekatiku sehasta, aku mendekatinya sedepa dan sekiranya sesiapa datang kepadaku dengan berjalan, aku akan datang kepadanya berlari.

(Sahih al-Bukhāri, Bab: 15 - Juzuk: 24)

Maksud hadis di atas dijelaskan lagi dalam kitab *syarh al-sunnah* (al-Baghawi 1983),

Bab: (من جلس مجلسا لم يذكر الله فيه), seseorang yang melakukan kebaikan, Allah akan menggandakannya sebanyak sepuluh kebaikan. Manakala satu keburukan akan dibalas seumpamanya. Dalam riwayat al-A'amash: (تقربت منه ذراعا) bermaksud: keampunan dan rahmat Allah. Seorang hamba Allah yang mendekatiNya dengan ketaatan dan menurut perintahNya, maka Allah bersegera kepadanya keampunanNya dan rahmatNya.

b. Faktor Luaran iaitu Pengaruh Persekutaran

Kewujudan desakan dorongan luar dari pengaruh persekitaran merupakan faktor yang menggalakkan perbuatan menyimpang golongan remaja berisiko. Oleh itu, faktor penyimpangan remaja turut disebabkan oleh sekumpulan faktor yang berkaitan dengan perubahan alam persekitaran ('Ali Husayn Zaydān 1991: 525). Kemungkinan berlaku faktor dorongan dalam seseorang yang beriman ke arah tingkah laku penyimpangan seperti berada di dalam suasana persekitaran yang menyimpang atau terdedah kepada keinginan yang sangat mendesak untuk memenuhi keperluan hidup atau terpedaya dengan kedudukan status kehidupannya. Maka dalam keadaan ini, Allah tetap menyediakan ganjaran pahala bergantung kadar kekuatan iman seseorang untuk tidak terjebak dalam penyimpangan. Antara sabda Rasulullah s.a.w,

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْفَقِيرَ الْمُتَعَفِّفَ

Maksud:

Sesungguhnya Allah menyukai orang fakir yang memelihara maruah.

(Sunan Ibn Majah, Bab: 5، Juzuk: 2)

Lafaz hadis di atas dinyatakan dalam kitab *Takhrij Ahādīth al-Iḥyā'* (al-Haddād 1987) dengan lafaz (أَحَبَّ الْعِبَادَ إِلَى اللَّهِ الْفَقِيرُ الْقَانِعُ بِرَزْقِهِ الرَّاضِيُّ عَنِ اللَّهِ) yang bermaksud bahawa seorang hamba manusia yang paling disukai Allah ialah seorang fakir dan berpuas hati (القانع) dengan rezekinya serta reda kepada Allah.

Justeru itu, golongan remaja yang berisiko dapat dikenali menerusi tingkah laku dan faktor penyebab (*behaviors and causal factors*) menerusi ciri-ciri tingkah laku yang berisiko dari perspektif sekolah, kesihatan mental dan keadaan keluarga (David Capuzzi & Douglas R. Gross 2004: 9-11). Bagi Fākhir 'Aqil (1986: 281), remaja dianggap berisiko adalah satu jangka masa dalam proses perkembangan mereka. Walau bagaimanapun, maksud remaja berisiko dalam perspektif agama tidak semestinya berkekalan sebagai remaja yang bermasalah kerana tabiat manusia boleh dilatih untuk berubah ke arah yang positif.

Dalam hal ini, permasalahan remaja atau belia adalah berpandukan kepada konsep "*The Problem and The Need*". Maksud permasalahan (*The Problem*) bagi tokoh kemasyarakatan, tokoh pendidik dan tokoh ilmu jiwa ialah "rintangan yang menghalang individu dari memenuhi keperluan asasi" semasa proses perkembangan dan pertumbuhan manusia. Oleh yang demikian, rintangan- rintangan tersebut dapat dilihat dari aspek personaliti (العقبات الذاتية) dan persekitaran (العقبات البيئية) (al-Zarrād 1995: 66-71).

Abd al-Aziz Muhammad (1414 Hijrah: 39), dalam kitabnya *al-Murāhiqūn Dirāsah*

Nafsiyyah Islāmiyyah membincangkan keperluan zaman remaja yang perlu difahami oleh para ibu bapa, guru-guru dan pendakwah iaitu dari segi ibadah, sosial dan budaya. Oleh yang demikian, kegagalan dalam memenuhi keperluan mereka berasaskan kepada dua rintangan iaitu pertamanya, merujuk faktor diri remaja dan belia dan keduanya ialah faktor persekitaran (al-Zarrād 1997: 57). Perkara yang berkaitan dengan masalah daripada diri remaja seperti matlamat hidup yang hendak dicapai tidak jelas menerusi konflik diri dan terdapat sebahagian adat yang buruk yang menguasai perasaan remaja dan belia seperti malas, bersikap acuh tidak acuh, mengabaikan agama dan sebagainya.

Firman Allah s.w.t:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَاحْبُمْ يَهْ لَعْنَهُمْ
تَتَّقُونَ^{١٥٣}

Maksud:

Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertaqwa.

(Surah al-An'ām 6: 153)

Ayat 153 surah al-An'ām menjelaskan kepada manusia supaya berpegang teguh kepada segala perintah Allah dalam ajaran Islam yang meliputi akidah, ibadah, hukum dan akhlak. Demikian juga larangan Allah untuk tidak mengikuti agama-agama dan aliran-aliran pemikiran selain Islam yang disebut dengan istilah “*al-Subul*” (jalan-jalan). Ayat ini juga menunjukkan larangan meninggalkan agama Islam. Lafaz (وَأَنَّ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمًا) member petunjuk bahawa apa yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w mengenai agama Islam merupakan jalan yang lurus. Ayat ini juga menerangkan kesatuan umat Islam dan amaran perpecahan dan mengikuti jalan selain jalan Allah yang satu (al-Zuhaili 2014:460).

Sehubungan ini, penyimpangan golongan remaja atau belia dari jalan yang lurus turut berpunca dari persekitaran hidup mereka iaitu hubungan kekeluargaan yang buruk dan hala tuju ibu bapa dalam pendidikan kekeluargaan, kejahilan ibu bapa dan pendapatan hidup tidak mencukupi, persekitaran sekolah yang buruk, tiada peluang pekerjaan yang cukup bagi golongan belia dan sistem sosial dalam masyarakat seperti kos kehidupan yang semakin mencabar. Oleh yang demikian, permasalahan sering dikaitkan dengan keperluan dan maksud “keperluan” oleh H.A. Murray dalam (al-Zarrād 1997: 74) ialah gambaran akan sesuatu keinginan sama ada sedar ataupun tanpa sedar tidak dipenuhi. Menurut pandangan Majid ‘Arsān al-Kilāni, tokoh ilmu tarbiyyah dan ilmu psikologi terdapat dua unsur kekosongan utama dalam pendidikan moden iaitu role model dan ibadah telah menghasilkan gandaan sifat negatif yang utama dalam diri individu yang dinamakan *al-murāhiqah* sebagaimana yang telah diperjelaskan menurut pengertian bahasa Arab. Walau bagaimanapun, pengertian *al-murāhiqah* bukanlah fenomena yang pasti dalam perkembangan usia bagi manusia. Ia adalah permasalahan

yang boleh dielakkan dan dijauhkan sepenuhnya dalam kehidupan individu. Sebenarnya sifat al-murāhiqah adalah penyakit dalam masyarakat kapitalis (al-Shantūt 1993: 24). Al-murāhiqah ialah konflik tenaga muda yang disebabkan oleh rintangan kepada kemampuan akal dan jiwa serta fizikal golongan muda. Kesannya, gejala atau simpton yang berlaku dalam diri seorang remaja adalah disebabkan oleh banyak keperluan hidup tidak dipenuhi sehingga membawa satu perasaan bawah sedar (*اللاشعور*) yang menjurus kepada ketegangan (*tension*). Pendekatan Islam membantu untuk membimbang penyakit al-murāhiq dengan memanfaatkan tenaga muda remaja kepada aktiviti-aktiviti yang menggalakkan mereka hidup berusaha di jalan Allah dan menyediakan peluang kepada mereka untuk menimba pengalaman bersama orang dewasa semasa proses perkembangan usia remaja ke arah latihan kematangan berfikir (al-Shantūt 1993: 24).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa tingkah laku penyimpangan berlaku merujuk kepada dua faktor gabungan yang berkaitan dengan keimanan iaitu pertama dari aspek dalaman kelemahan iman atau tiada kesedaran jiwa beragama yang boleh menghalang manusia dari menyimpang. Kedua, aspek luaran iaitu kewujudan faktor-faktor persekitaran yang menggalakkan kepada masalah penyimpangan agama. Faktor penyimpangan bagi remaja berisiko disebabkan oleh faktor dalam diri penyimpang sendiri seperti hilang pedoman agama akibat desakan nafsu syahwat dan merujuk persekitaran sekeliling seperti berleluasa pengaruh buruk masyarakat. Fenomena remaja bermasalah (*al-murāhiqah*) sebenarnya kesan dari kelompok masyarakat yang tidak bersendikan ajaran syariat dan takwa.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Dalam pengkajian ilmu psikologi Islam, istilah “remaja” bukanlah suatu istilah baru dalam membincangkan proses perkembangan sepanjang hayat manusia. Konsep tarbiyyah anak-anak dari awal usia hingga dewasa telah banyak diungkap dalam al-Qur'an dan sunnah Rasulullah s.a.w mengenai tarbiyyah golongan muda dalam setiap peringkat usia. Ini adalah kerana betapa pentingnya golongan remaja sebagai harapan ummah, sasaran harapan dan sumber utama daya manusia. Batasan umur remaja turut dikaji dari sudut taklif syar'i dalam fasal mensabitkan jenayah kanak-kanak. Seorang remaja apabila sudah sempurna 15 tahun adalah mukalaf walaupun belum bermimpi (*baligh*), disabitkan hukum-hakam ke atasnya dengan kewajipan ibadat, berhak kepada pembahagian harta ghanimah dan boleh dibunuhi sekiranya daripada kalangan ahli perang (Muhammad Hāmid & Khaulah Darwish 1997: 17).

Walau bagaimanapun, remaja yang berusia bawah 18 tahun adalah dikenali sebagai “kanak-kanak” di dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) kerana sesuatu tindakan yang dilakukan berdasarkan matlamat yang tidak jelas dan masih keliru. Berdasarkan pandangan G. Stanley Hall seorang tokoh Ilmu psikologi dan pendidikan Barat (1916), secara umumnya zaman remaja dikatakan satu tempoh masa yang penuh konflik dan memberontak “*storm-and-stress*” (ribut dan tekanan) kesan daripada faktor biologi dan psikologi berubah. Menurut beliau, remaja adalah tempoh ribut dan kebimbangan serta kesukaran, diseliputi kekeliruan jiwa dan diselubungi dengan penderitaan, kemurungan, konflik dan resah-gelisah, banyak masalah dan sukar baginya penyesuaian. Dalam kajian (Santrock 2002), remaja dikatakan boleh berubah sikap dalam tempuh masa terdekat daripada bersikap penyayang kepada bersikap kasar dan

daripada suka bergaul kepada suka bersendirian. Demikian juga dengan pandangan Darwin bahawa pada pandangannya, remaja adalah dalam peringkat “*storm dan stress*” yang terpantul daripada peringkat perubahan diri yang bercelaru dan proses perkembangan (Muhammad Hamid & Khaulah Darwish 1997). Akan tetapi, sejarah Islam banyak membuktikan sifat kepemimpinan yang ada pada golongan muda mudi Islam dalam perkembangan sejarah kegemilangan Islam seperti tokoh pemuda ‘Ali bin Abi Talib, Usāmah bin Zaid, ‘Aishah, Fātimah, Asmā’ dan lain-lain lagi dapat menyangkal dakwaan Darwin yang berpandangan bahawa proses perkembangan usia remaja akan tetap melalui penyakit “*storm and stress*” dengan dibuktikan bahawa golongan muda yang mendapat jalan petunjuk yang benar adalah hasil dari persekitaran masyarakat yang hidup dalam jalan petunjuk yang benar (Ridā 2000: 43). Ini bermakna, pengaruh persekitaran memberi kesan kepada perkembangan usia remaja atau golongan muda. Justeru itu, remaja memerlukan sokongan, dorongan serta bantuan daripada semua pihak untuk menjalani kehidupan yang positif, optimis lagi dinamik.

Sabda Rasulullah s.a.w:

كل مولود بولد على الفطرة، فأبواه يهودانه، أو ينصرانه، أو يمجسانه

Maksud:

Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kemudian kedua orang tuanya lah yang akan menjadikan anak itu menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi.

(ما قيل في أولاد المشركين) (*al-Bukhāri, Sahal-Bukhāri, Kitāb: al-Janāiz, Bāb : al-Janāiz, Bāb : no.hadith: 1296, Jilid: 5, hlm. 182*)

Menurut al-‘Asqalāni (1286)dalam kitab *Fath al-Bāri*, maksud (الفطرة) dalam hadis di atas ialah Islam. Hadis ‘Iyadh bin Himar daripada Nabi s.a.w menjelaskan bahawa Allah menciptakan hamba-hambaNya dalam jalan yang lurus, kemudian disesatkan oleh syaitan. Sehubungan ini, menurut pandangan pakar rawatan berkonsepkan agama mengenai faktor paling utama yang membawa kepada penyakit yang berkaitan dengan jiwa manusia ialah kesesatan dan kehidupan yang jauh dari agama, kelemahan iman, lemah ukuran dan nilai akhlak dan agama, tidak melaksanakan dan mengamalkan suruhan ibadat, lemah dalam kawalan hawa nafsu, melakukan maksiat kepada Allah, menyekutukan Allah, berfikiran bebas iaitu tidak mempercayai kewujudan Allah, konflik antara nilai kebaikan dan keburukan, halal dan haram, hak dan batil. Kesemua faktor tersebut membawa sifat kebimbangan dalam diri manusia dan menghantui jiwa dalamannya dan menyakitinya. Kesannya dapat membuatkan manusia tiada penyesuaian dari aspek jiwa (عدم التوافق النفسي), pemikiran, sosial dan membuatkan rasa berdosa dan akhirnya terjebak kepada tingkah laku yang menyeleweng dan menyimpang (الانحرافات السلوكية) (al-Zarrād 1995: 178) .

Oleh yang demikian, rawatan dalam bentuk keagamaan sangat menekankan kepada pembinaan sahsiah mengikut garis panduan agama selain daripada menggunakan pendekatan akal dan logik. Pakar-pakar psikoanalisa meyakini bahawa faktor agama sangat utama dalam mengembalikan ketenangan jiwa, keamanan dalam diri individu. Agama dapat memperbaiki situasi dirinya dan menjadikannya lebih mampu untuk menghadapi permasalahan hidup dan penyelesaiannya. Dalam rawatan berasaskan agama, ia bergantung kepada proses mengenali

diri sendiri, agama, nilai-nilai rohani dan akhlak. Seterusnya, individu dapat membebaskan diri dari perasaan berdosa dan membantu dalam menerima diri sendiri dan memenuhi keperluan dirinya dengan rasa aman. Inilah pendekatan agama yang boleh dilaksanakan oleh pakar rawatan jiwa, ahli pendidik, ibu bapa dan ahli agama dalam menjalankan proses kaunseling agama yang menjadikan seseorang dapat melihat jauh lebih mendalam (الاستبصار) dimensi permasalahannya dan mengenali sebab dan punca kesengsaraan serta dorongan yang membawa ke arah itu (al-Zarrād 1995: 178). Dalam rawatan berkONSEPAN agama, manusia menjadi saksi atas segala tingkah lakunya. Walaupun pelbagai alasan diberikan tetapi manusia yang menerima dirinya akan menyedari hakikat dan rahsia ketuhanan ke atas sesuatu kejadian yang berlaku.

Firman Allah s.w.t:

بِلِ الْإِنْسَانٍ عَلَى نَفْسِهِ بَصِيرَةٌ

Maksud:

Bahkan manusia itu menjadi saksi atas dirinya sendiri.

(al-Qiyāmah 75: 14)

Ayat 14 surah al-Qiyāmah menjelaskan bahawa manusia akan diberitahu tentang setiap perkara yang dikerjakan. Sekiranya manusia berusaha untuk melepaskan diri dari dosa-dosanya, namun tidak berjaya kerana seluruh anggota tubuhnya menjadi saksi terhadap dirinya. Alasan-alasan yang diberikan oleh manusia yang zalim pada hari kiamat dan menafikan kesyirikan yang telah dilakukannya tidak memberi manfaat bagi mereka (al-Zuhaili 2014: 279).

Oleh yang demikian, al-Ghazāli (1988: 148) menolak hujah sesetengah golongan yang mengatakan bahawa tingkah laku tidak dapat diubah. Dengan hujah yang jelas bahawa merubah tingkah laku binatang suatu yang mungkin kerana binatang buas dapat dipindahkan dari liar kepada jinak, inikan pula seorang manusia. Anjing dari sifat kerakusan kepada habuan makanan dapat dipindahkan dari liar kepada jinak. Ini adalah bentuk perubahan akhlak. Memang benar sifat manusia ada bermacam-macam. Sebahagian segera menerima perubahan dan sebahagian lagi lambat menerima perubahan. Oleh itu, tarbiah akhlak dapat membina jati diri bagi golongan remaja yang bermasalah.

KESIMPULAN

Remaja yang dapat memahami bahaya dari kesan amalan yang buruk akan sentiasa berwaspada supaya menjadikan dirinya selamat. Ciri-ciri remaja berisiko banyak dipengaruhi oleh lemah pegangan agama dalam jiwa dan iklim persekitaran hidup yang jika tidak dapat ditangani dengan bijak akan membawa kepada kesan buruk dan masalah yang berlanjutan. Oleh itu, golongan remaja hendaklah diberi ruang untuk memperbaiki diri dalam masalah yang berhubungan dengan tuhannya dan masalah perhubungan dengan sesama manusia menerusi perspektif agama iaitu tidak memudaratkan diri sendiri dan tidak kepada orang lain demi menjaga tuntutan agama dan menjadi hamba Allah s.w.t yang ikhlas beribadah kepadanya. Oleh yang demikian, adalah sangat penting untuk memberi dorongan penghayatan ibadah kepada golongan remaja akil baligh supaya dapat memahami maksud sebenar mengapa Allah

menjadikan manusia. Golongan remaja hendaklah diasuh dengan menuruti syariat Islam dengan mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangannya. Dalam masa yang sama golongan remaja sangat memerlukan ikutan contoh yang baik dan panduan beribadah. Sehubungan ini, menerusi pendekatan tarbiah ruhiyyah, manusia terdorong untuk mendidik jiwa yang liar dan penuh dengan penyakit hati dan masalah jiwa. Bagi memenuhi pendekatan tarbiah ruhiyyah, adalah dicadangkan supaya masyarakat umumnya dan golongan ibu bapa khususnya berusaha mencipta persekitaran (البيئة) yang baik untuk golongan remaja dalam proses menuju kematangan (الرشد).

RUJUKAN

- Abū Zahrah, Muhammad. 1965. *Tanzim al-Islām li al-mujtama'*. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-Arabi.
- Ahmad, Abu „Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilāl bin Asad al-Syaibāni. T.th.Masnad Ahmad. Wizārah al-Awqāf al-Misriyyah.
- Akta Kanak-kanak 2001(Akta 611) Dan Peraturan-peraturan. 2009. Selangor: Wisma ILBS: International Law Book Services.
- al-‘Aisāwi, ‘Abd al-Rahmān. 1987. *Saikolojiyyah al-murāhiq al-muslim al-mu’āsir*. Al-Kuwait: Dār al- Wathāiq.
- al-‘Aisāwi,Abd al-Rahmān Muhammad, Dr. 1999. *Ilm al-Nafs al-Syawwāz*. Beyrūt: Dar al-Rātib al- Jāmi’iyyah.
- Azzyati Mohd Nazim.2014. Peranan NGO Wanita Islam Dalam Menangani Remaja Berisiko di Kuala Terengganu. (Tesis PhD). UKM.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismāīl bin Ibrāhim bin al-Mughirah al-Bukhāri. Tth. *Sahih al-Bukhāri*. Wizārah al-Awqāf al-Misriyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah.2014. *al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Dimasyq: Dār al-Fikr.
- David Capuzzi & Douglas R. Gross. 2004. *Youth at Risk*. Pearson Education: New Jersey.
- Fairuz Abadiyy. 1995. Al-Qāmūs al-Muhit. Dār al-Fikr: Beyrūt.
- Fākhir ‘Aqil. 1986. *T’irif Nafsak*. Dār al-‘Ilm li al-malāyin: Beyrūt.
- Fuziah Shaffie et.al .2009. Profil Remaja Berisiko Tinggi. Universiti Utara Malaysia. al-Ghazāli, Muhammad. 1988.Ihyā’ Ulumiddin. Terj.Kuala Lumpur: Victory Agensi.
- al-Hādi. Muhammad Zayn. 1995. *Ilm al-nafs al-da’wah*. Al-Qāhirah: Dār al-Misriyyah al-Lubnaniah.
- al-Hāshimi, ‘Abd al-Hāmid Muhammad. 1402H: *Lamhāt Nafsiyyah fi al-Qu”ran al-Karim*. Rābitah al-‘ālam al-Islāmi.
- [Http://www.Shamela.ws](http://www.Shamela.ws). Perisian al-Maktabah al-Syāmilah.Versi 2.
- Ibn Mājah, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. T.th. *Sunan Ibn Majah*. Wizārah al-Awqāf al-Misriyyah.
- Muhammad Hamid & Khaulah Darwish. 1997. Tarbiyyah al-Marāhiq fi rihāab al-Islām. Dar Ibn Hazim: Al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah.
- Ibnu Qayyim,Muhammad Bin Abu Bakar.1999. Terapi Penyakit Dengan Al-Qur'an dan Sunnah. Terj. Jakarta: Pustaka Amani.
- al-‘Iraqsawi, Muhammad Amir. 1994. *Musykilāt al-syabāb al-jinsiyyah*. Muassasah al-Risālah: Beyrūt.
- Muhd. Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd. Tamin. 1992. Psikologi Remaja. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Majlis Sosial Negara. Subsistem 11: 1. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

- al-Nughaimishi, ‘Abd al-Aziz Muhammad. 1414 Hijrah. *Al-Murāhiqūn-Dirāsah nafsiyyah Islamiyyah li al-ābā’wa al-mu’allimin wa al-dua’āt*. Al-Riyād: Dār al-Muslim.
- Ridā, Akram. 2002. *Shabāb bila mashākil rihlah min al-dākhil*. Qatar: Wizārah al-awqāf.
- al-Shantūt, Khālid Ahmad. 1993. *Tarbiyyah al-Shabab al-Muslim*. Jeddah: Dār al-Mujtama’.
- al-Zarrād, Faisal Muhammad Khayr. 1997. *Mushkilāt al-Marāhiqah wa al-Syabāb*. Dār al-Nafāis: Beyrūt.
- Zaydān, ‘Ali Husayn. 1991. *Dawr al-khidmat al-ijtimā’iyyah fi al-‘amal ma’ā al-munharifin (manzūr Islāmi)*. Dlm. *Abhāth nadwah al-khidmat al-ijtimā’iyyah fi al-Islām*, hlm. 525-574. Al-Qāhirah: Dār al-Salām.